

22.6.2021_Harian Metro_YB Khairy Jamaluddin - Vaksinasi remaja dibuat dalam masa terdekat

Vaksinasi remaja dibuat dalam masa terdekat

Kuala Lumpur: Golongan remaja berusia 12 tahun dan ke atas dijangka boleh menerima suntikan vaksin Covid-19 dalam masa terdekat.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick), Khairy Jamaluddin berkata, perkara itu diputuskan dalam Jawatankuasa Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 yang diadakan minggu ini.

Menurutnya, sebelum ini mesyuarat sama meluluskan vaksin buatan Pfizer-BioNTech untuk kegunaan terhadap golongan berusia 12 tahun dan ke atas.

"Mesyuarat dipengerusikan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba bersama saya pada minggu ini akan memutuskan kaedah penggunaan vaksin Pfizer untuk golongan remaja dan bila boleh mulakan pemberian kepada golongan itu.

"Ia berdasarkan nasihat dan syor dibuat Jawatankuasa *Expert Working Group*," katanya dalam sidang media

mingguan Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (CITF), semalam.

Selain itu, beliau berkata, dua vaksin Covid-19 iaitu keluaran CanSino dan Johnson & Johnson (J&J) menerima kelulusan pendaftaran bersyarat untuk kegunaan kecemasan melalui Mesyuarat Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD).

Mengenai bekalan vaksin Covid-19, Khairy berkata, Malaysia akan terima 444,600 dos vaksin Pfizer minggu ini dan jumlah penghantaran bekalan dijangka meningkat Julai ini.

"Bagi Coronavac pula 3,687,880 dos sudah diterima dan 760,880 dos akan diedar ke fasiliti mulai hari ini.

"Bagi AstraZeneca, 828,000 dos sudah diterima sehingga kini," katanya.

Katanya, pihaknya akan menerima penghantaran baharu AstraZeneca (AZ) pada awal Julai ini.



Bagi Coronavac pula 3,687,880 dos sudah diterima dan 760,880 dos akan diedar ke fasiliti mulai hari ini"

Khairy

